



Peningkatan jualan dan permintaan pacu keuntungan Hua Yang

Tarikh kemaskini: 28/08/2019



KUALA LUMPUR, 28 Ogos -- Pemaju hartanah, Hua Yang Bhd yakin mampu mencatatkan keuntungan dalam tahun kewangan semasa berakhir 31 Mac 2020 melalui sokongan daripada peningkatan permintaan serta jualan.

Ketua Pegawai Eksekutif Ho Wen Yan berkata kumpulan itu berhasrat untuk memperoleh jualan sebanyak RM400 juta pada tahun ini, lebih tinggi berbanding RM286 juta yang diraih pada tahun kewangan 2019, disokong oleh pelancaran baharu dan sedia ada.

Permintaan pada separuh pertama tahun ini telah bertambah baik dan momentum ini dijangka berterusan sehingga separuh kedua.

"Kami percaya permintaan masih ada bagi memacu jualan kami kerana kami melihat beberapa peningkatan dalam pembiayaan bank, jadi lebih ramai pembeli dijangka akan kembali ke pasaran.

"Kami akan terus memberi tumpuan kepada segmen perumahan mampu milik, mensasarkan pelancaran baharu yang yang mempunyai nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM494 juta tahun ini," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan kumpulan yang ke-40 hari ini.

Hua Yang mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM22.5 juta dalam tahun kewangan 2019, terutamanya disebabkan oleh kerugian daripada syarikat sekutunya, Magna Prima Bhd yang mencecah RM16.65 juta, ini menyebabkan kumpulan terpaksa membuat peruntukan rosot nilai yang berjumlah RM7.9 juta.

"Melangkah ke hadapan, kami tidak menjangkakan sebarang tambahan peruntukan daripada ini atau lain-lain pelaburan dan Magna Prima sewajarnya berada dalam ruang yang lebih positif," katanya, sambil menambah Hua Yang mempunyai jualan yang belum dibilang sebanyak RM200 juta sekarang ini dan ini akan menyediakan pendapatan masa hadapan untuk satu setengah tahun akan datang.

Ho ketika mengulas mengenai pelancaran baharu menjelaskan kumpulan sedang bersedia bagi melancarkan projek pangrupur di Pulau Pinang dengan GDV sebanyak RM400 juta pada Oktober tahun ini.

Kumpulan baru-baru ini telah melancarkan fasa pertama projek Puchong Horizon iaitu Aviary Residence yang mempunyai GDV berjumlah RM394 juta.

Puchong Horizon, dengan GDV sebanyak RM2.05 bilion, merupakan sebuah projek perbandaran yang akan dibangunkan melalui tujuh fasa atau lebih.

Hua Yang mempunyai simpanan tanah berjumlah kira-kira 283.28 hektar dengan GDV sebanyak RM5.3 bilion di sekitar Pulau Pinang, Johor, Perak dan Lembah Klang.

-- BERNAMA